



KEMENTERIAN PERATURAN
KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

PUSTAKA

BULETIN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

KELUARANINI

- PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2010 (PBAKL)
- EKSKLUSIF BERSAMA MANTAN PM KE-4 TUN DR.MAHATHIR MOHAMAD
- PELANCARAN IKON 1MALAYSIA BARU
- KARNIVAL MEMBACA 1MALAYSIA



BILANGAN 1/2010

ISSN : 01288679

PROGRAM BICARA BUKU "MENAKHODA ZAMAN" BERSAMA PERDANA MENTERI

MENARIK DI DALAM

Utama : PBAKL 2010 : Buku—Lakaran masa depan	4-5
Eksklusif : Bicara Tokoh : Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri keempat Malaysia	6-7
Dari Pustaka : Pelancaran Wajah Baru Akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan	9
Peristiwa : Ikon Membaca 1Malaysia, Datuk Michelle Yeoh	11-12
Professionalisme : Kempen Mari membaca 1Malaysia	13-26
Intelek	30
Perpustakaan Desa	31-34



"Sejarah sebagai gedung pengalaman dan khazanah yang bernilai"



Dari kiri Dato' Raslin Bin Abu Bakar Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Pengarah Urusan Institut Terjemahan Negara Malaysia, Mohd Khair Ngadiiron bersama-sama Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak membacakan isi kandungan buku Menakhoda zaman.

Pada 28 Mac 2010 yang lalu, Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dengan sokongan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) buat julung kalinya menganjurkan program "bacaan buku" yang diadakan sebagai kemuncak pengisian aktiviti yang diatur oleh ITNM sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2010. Majlis yang berkonsepkan "pemimpin mengamanahkan budaya membaca kepada rakyat" ini menyaksikan YAB Dato' Sri Najib Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia membaca 23 baris ayat tulisannya, dipetik dari Bab 5: Pertarungan Minda Perang Masa Depan, buku "Menakhoda Zaman".


Penulisan buku itu antara lainnya menghimpunkan pelbagai idea, kritikan dan pandangan YAB Dato' Sri Najib Tun Razak yang digarap bersahaja dan jujur apabila memperkatakan mengenai kelemahan sebagai anak bangsa, bagaimana perlu bangkit menyahut cabaran, apakah cara

untuk menggerakkan perubahan dan laluan yang dipilih untuk membolehkan gagasan membina masa depan dicapai. Pada program tersebut, YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM telah duduk bersama-sama dengan Perdana Menteri dan juga Ketua Eksekutif ITNM, YBhg. Mohd Khair Ngadiiron. Turut hadir dalam majlis ini memberi sokongan adalah YB. Dr. Mohd Puad Zarkashi, Timbalan Menteri Pelajaran, YB. Datuk Saifuddin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi dan juga YB. Datuk Dr. Sharuddin Md. Salleh, Pengerusi ITNM. Majlis yang dihadiri lebih 100 orang pengunjung ini turut menyaksikan simbolik penyerahan buku oleh pihak ITNM kepada PNM yang telah menyumbangkan 2,500 naskhah buku Menakhoda Zaman ke seluruh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri, Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Gunasama untuk dijadikan bahan utama dalam kempen membaca.



"Bangsa membaca, Bangsa berjaya"

**CARTA ORGANISASI
PERPUSTAKAAN NEGERA MALAYSIA TAHUN 2010
(CARTA PROGRAM DAN AKTIVITI)**



KETUA UNIT (W41)
NOORIMAN SULAIMAN

Secebis Kata Dari Ketua Editor

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera


Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana dapat bertemu kembali di lembaran baru tahun 2010 dengan keluaran ini sebagai pembuka tirai. Titik tolak 2010 menjanjikan satu dimensi baru dalam terbitan Pustaka : Buletin PNM dengan memaparkan dan menyajikan segala berita dan peristiwa secara atas talian dan dilestarikan dalam laman web jabatan. Ini adalah selaras dengan hasrat dan saranan Y.A.B Perdana Menteri kita supaya kerajaan lebih berjimat-cermat dan menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai pemangkin kemajuan dalam mencapai aspirasi negara.

Sekali lagi Buletin PNM menyiarkan berbagai berita dan maklumat yang telah berlangsung sepanjang empat bulan pertama tahun ini. Antara paparan menarik kali ini adalah pelancaran buku program bual bicara perdana bersama Tun Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri kita, pelancaran wajah baru akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan supaya lebih menarik dan menyemarakkan lagi tulisan Jawi dikalangan rakyat Malaysia. Penglibatan PNM dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur adalah kali ketujuh sebagai usaha menyokong industri buku di Malaysia disamping mengadakan pelancaran buku Menakhoda Zaman dan "Najib Razak-A Sense of Mission" mengenai Datuk Seri Najib Tun Razak selaku YAB Perdana Menteri. Antara aktiviti lain yang tidak kurang menariknya adalah pelancaran Ikon Membaca Satu Malaysia dan program Galakan Membaca yang diadakan di PNM dan di Perpustakaan Desa di beberapa buah negeri. Selain itu, kami juga memuatkan statistik antaranya berkenaan pengunjung, pendaftaran ahli baru, peminjam buku dan jumlah koleksi terkini.

Di akhir kalam, semoga Buletin ini dapat memberi informasi semasa mengenai PNM dan sorotan peristiwa yang menjelajahi alam perpustakaan serta turut melewati KPKK serta jabatan dan agensi yang terlibat, disamping dijadikan wadah yang bermanfaat serta memupuk minat membaca dikalangan warga PNM dan masyarakat amnya.

SALAM 1 MALAYSIA

KAMARUDIN BIN MAT NATA
kamardin@pnm.gov.my



SIDANG PENGARANG

PENASIHAT

Dato' Raslin Bin Abu Bakar

KETUA EDITOR

Encik Kamaruddin Bin Nata

EDITOR

Puan Salasiah Bt Abd.Wahab

Encik Wan Mohamad Fazali Bin Mohd Salleh

Encik Mohamad Zaki Bin Yusof

Puan Effah Imtiaz Bt Zainol

Cik Nurazila Bt Azizan

WARTAWAN

Encik Mustafa Bin Daud

Puan Normah Mohd Idzhar

Puan Sofia Osman

Puan Noraini Ya'cub

Cik Suriyana Binti Yusof

Cik Siti Diana Dahlan

Cik Nurhafiza Binti Abdul Jalil

Cik Afizah Binti Said

KOORDINATOR PENERBITAN

Encik Zulkifli Abd Samad



PBAKL 2010

"PBAKL 2010 ini telah mendapat status *Malaysia Book of Record*"



Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2010 (PBAKL) yang ke-29 kalinya telah diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur pada 19 hingga 28 Mac 2010. Tema PBAKL 2010 kali ini adalah *Buku - Lakaran Masa Hadapan* atau "Books – Building The World of Tomorrow".

PBAKL 2010 dianjurkan oleh urusetia tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dengan kerjasama Majlis Industri Buku Malaysia (MBIM) yang dianggotai oleh 4 persatuan industri perbukuan tempatan iaitu Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Persatuan Pengekspor dan Pengimpor Buku Malaysia (MBEIA), Persatuan Penjual Buku Malaysia (MBA) dan Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM).



Perasmian Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2010 di Putra World Trade Centre (PWTC) oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Pesta buku ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Tan Sri Muhyiddin Bin Hj.Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran Malaysia pada hari Sabtu 20 Mac 2010 jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Tun Hussein Onn, PWTC. Sebanyak 855 buah gerai pameran telah disediakan manakala 220 buah syarikat, agensi pempamer tempatan dan luar negara telah menyertai PBAKL 2010 ini. Dalam pada itu sambutan yang menggalakkan PBAKL kali ke 29 ini telah mendapat status *Malaysia Book of Record* bagi gerai pameran terbanyak yang pernah diadakan.

Pada PBAKL 2010 ini Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyediakan 7 gerai di Dewan Tun Abdul Razak 2 untuk kaunter jualan buku bersama-sama 6 lagi Jabatan dan Agensi yang bernaung di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK). Jabatan dan Agensi tersebut adalah ASWARA, FINAS, Balai Seni Lukis Negara, Kraftangan Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia dan Istana Budaya. Di samping itu, PNM telah menyediakan Kaunter pendaftaran keahlian dan kaunter penerangan. Tambahan dari penglibatan tersebut PNM juga telah mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pentas di ruang legar Putra PWTC. PNM telah muncul sebagai Johan gerai terbaik bagi kategori kerajaan (1-9 gerai).



Buku Lakaran Masa Depan



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA DI PESTA BUKU ANTABANGSA KUALA LUMPUR



Setelah sekian lama Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur menjadi medan persinggahan pengunjung dari dalam dan luar negara, Perpustakaan Negara Malaysia menceburi bagi menjayakan industri buku negara dan menggalakkan tonggak kempen membaca. Gerai-gerai PNM sahaja telah dikunjungi oleh lebih 10,000 pengunjung selama 10 hari pesta tersebut berjalan. Ini menjadikan gerai PNM antara gerai yang mendapat sambutan dari segi tempat singgahan pengunjung sepanjang pesta ini berlangsung. Hasil jualan 7 gerai PNM dan agensi KPKK telah menjangkau lebih 1000 naskhah



Timbalan Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin menunjukkan isyarat bagus kepada pengunjung berkenaan buku Najib Razak semasa acara perasmian PBAKL 2010.



“Malaysia adalah antara 34 negara yang menganjurkan Pesta Buku Antarabangsa”



Antara suasana di tapak PBAKL 2010 yang dipenuhi pengunjung.

buku dan VCD mengenai berbagai bidang yang berkaitan. Pengunjung yang membeli adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan, swasta, para penyelidik, penggemar buku serta dari dalam dan luar negara.

Perpustakaan Negara Malaysia juga mengharapkan supaya Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang

akan datang dapat menarik lebih banyak pengunjung dan berusaha mendapatkan penglibatan lebih ramai para penerbit buku cina dan India supaya kehadiran



Kunjungan ke gerai PNM di PBAKL 2010 oleh Timbalan Ketua Pengarah PNM, Puan Hajah Siti Rodziah Bt Othman

pengunjung akan datang dari pelbagai masyarakat majmuk di Malaysia. Ini dapat ditingkatkan lagi selaras dengan konsep 1Malaysia.



Buku Lakaran Masa Depan

**PROGRAM BUAL BICARA PERDANA BERSAMA MANTAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA KE-4, TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD**



Mungkin ada sesuatu yang istimewa dibisikkan oleh Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM kepada Mantan PM Malaysia,

Tun Dr Mahathir Mohamad

Program bicara perdana bersama YABhg Tun Dr Mahathir bin Mohamad telah diadakan pada 28 Januari 2010 di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi pengetahuan daripada golongan intelektual dan tokoh-tokoh yang banyak berjasa kepada pembangunan negara.


Program ini telah berlangsung dengan jayanya dan dihadiri oleh tetamu kehormat iaitu YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad, YABhg Dato' Mohamed Mohd Daud, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) KPKK dan Puan Zarina Abu Bakar, Pengurus Besar Yayasan Kepimpinan Perdana, Ketua-ketua jabatan

dan agensi di bawah KPKK serta jabatan sekitar Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini juga telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan di mana seramai lebih kurang 450 orang peserta yang telah hadir ke program ini.

YABhg Tun Dr Mahathir telah menyampaikan ucapan beliau yang bertajuk "**Sejarah sebagai Gedung Pengalaman dan Khazanah yang bernilai**" selama 1 jam dan diikuti dengan sesi dialog.

Berikut adalah sebahagian petikan ucapan beliau ,

"Sebab itu orang Melayu kebanyakannya hidup dalam ketakutan. Ini adalah satu



Tun Dr Mahathir Mohamad ketika mengupas isu yang diajukan oleh hos program tersebut.

daripada masalah orang Melayu. Mereka mudah takut, bukan sahaja mudah lupa tetapi mudah takut. Tak perlu tekan banyak-banyak kalau ada sikit ugutan sahaja mereka kaku tak boleh bergerak. Sebab itu mereka mudah dijajah tak seperti orang di India tak seperti orang di Indonesia, tak seperti Negera China, di Malaysia agak mudah bagi siapa sahaja untuk menakluk negeri-negeri Melayu kerana kita tak berani bertindak kalau ada sedikit sahaja ugutan akan dimasukkan dalam tahanan ataupun dibuang negeri. Jadi orang Melayu tidak fikir mereka patut mengambil bahagian dalam politik sehinggalah pada tahun sembilan belas empat puluh enam [1946] apabila dikenali bahawa pihak British bercadang untuk menujuh Malayan Union dan Malayan Union ini akan menjadi sebuah negara bagi sesiapa sahaja. Siapa saja yang ingin menjadi rakyat, mereka boleh jadi rakyat ataupun citizen bagi Malayan Union ini dan mereka akan mempunyai hak sebagai citizen. Pada ketika itu barulah kita dapati beberapa para intelek dulu dipanggil intelligentsia sekarang ini kita tak guna perkataan ini intelligentsia sekarang kita panggil intelektual ada juga intelektual berpendapat bahawa mereka harus bertindak melawan British dan menolak perjanjian yang dibuat oleh raja-raja."



Tun Dr Mahathir Mohamad merasmikan Pameran *Bertatah Wawasan Melapah Zaman... Tunjang Negara Sepanjang Zaman* sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah PNM

"Tun Dr.Mahathir Bin Mohamad merupakan Perdana menteri yang paling lama memerintah negara iaitu 22 tahun"

Pameran yang bertajuk "**Bertatah Wawasan Melapah Zaman..Tunjang negara Sepanjang Masa : Tun Dr Mahathir Bin Mohamad**" juga telah diadakan di ruang pameran Perpustakaan Negara Malaysia bermula dari 15 Januari hingga 15 Februari 2010 yang memaparkan gambar-gambar, karikatur dan koleksi-koleksi YABhg Tun Dr Mahathir Mohamad sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia.

SEDIKIT KISAH MENGENAI TUN DR MAHATHIR

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad juga dikenali sebagai "Dr. M" dan nama penanya Che Det, dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Kedah. Beliau merupakan anak bongsu daripada 9 adik-beradik, keluarga Mohamed Iskandar dan Wan Tempawan Wan Hanapi. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah laki-laki melayu di Seberang Perak, Alor Setar untuk tempoh 2 tahun sebelum menyambung di sekolah kerajaan beraliran inggeris di Alor Setar. Beliau adalah Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Ketika penggal kepimpinannya dari 16 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003, beliau menerajui negara ke arah arus kemodenan yang amat pantas dan menyebabkan kemakmuran di segala lapisan masyarakat Malaysia.

Pencapaian terbaiknya ialah keupayaannya mengekalkan keamanan dan kedamaian dalam sebuah negara yang berbilang bangsa melalui peningkatan golongan miskin menjadi golongan pertengahan orang Melayu begitu ketara. Walau bagaimanapun, beliau sentiasa dikritik atas gaya pemerintahannya yang autokratik dan tidak dapat lari dituduh bersifat kronisme seperti pemerintah-pemerintah lain di dunia.

Beliau juga merupakan seorang tokoh politik penting antarabangsa yang suka berterusan dan disifatkan kontroversi. Beliau adalah seorang penganjur gagah nilai-nilai Asia — kapitalisme autokratik yang dianjurkan oleh negeri — sebagai alternatif kepada individualisme Amerika Syarikat dan kapitalisme dasar berkecuali (*laissez-faire*).

Dr Mahathir telah bertanggungjawab dengan apa yang dipanggil pembangunan projek mega pada zaman pemerintahannya seperti projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Menara Berkembar PETRONAS, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Koridor Raya Multimedia (Multimedia Super Corridor/MSC), yang akhirnya menjadi lambang kemegahan rakyat dan diterima ramai.

Selepas persaraannya, nama Dr Mahathir terus terpahat sebagai "Bapa Pemodenan Malaysia", negarawan ulung yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara moden, makmur, ceria dan penuh bertenaga. Seperti dijangka pada 7 Oktober 2003, beliau dianugerahkan sebagai Tun, kehormatan yang tertinggi di Malaysia atas jasanya yang teramat besar pada nusa dan bangsa. Melalui perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun, beliau merupakan pemimpin kedua paling lama yang memegang jawatan tersebut di Asia Tenggara selepas Presiden Suharto dari Indonesia.

MAJLIS PELANCARAN BUKU NAJIB RAZAK : A SENSE OF MISSION



Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan merasmikan buku Najib Razak : A sense of Mission

**"Tahukah anda
Datuk Seri Najib
Tun Razak mewarisi
bapanya Tun Abdul
Razak sebagai
Perdana Menteri"**

Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Thinker's Library telah berjaya melancarkan buku Najib Razak : A Sense Of Mission karya YBhg Dato' Dr. Ismail Noor. Majlis pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia pada 31 Mac 2010 (Rabu).

Majlis ini telah dihadiri hampir 300 jemputan yang terdiri daripada penulis, penerbit, pustakawan serta pelajar-pelajar sekolah menengah. Sesi Bicara Buku Najib Razak : A Sense Of Mission oleh YBhg Dato' Dr. Ismail Noor juga telah diadakan. Selain itu, Thinker's Library juga telah menyampaikan sumbangan kepada tujuh buah sekolah menengah bersempena acara ini.



Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim, Menteri KPKK tertarik dengan kandungan buku tersebut sambil diperhatikan Timbalannya dan Ketua Pengarah PNM.



Antara sesi bergambar ketika majlis sumbangan hadiah

MAJLIS PELANCARAN WAJAH BARU AKHBAR JAWI UTUSAN MELAYU MINGGUAN

Utusan Melayu (M) Berhad dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah mengadakan Majlis Pelancaran Wajah Baru Akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan pada 24 Mac 2010 bertempat di Auditorium, Aras 2, Perpustakaan Negara Malaysia.

Tujuan utama program tersebut diadakan ialah untuk menguar-uarkan kepada masyarakat tentang penggunaan *kepala akhbar* baru akhbar Jawi Utusan Melayu yang mula diperkenalkan pada 1 Mac 2010.



Upacara menandatangani akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan sempena pelancaran wajah baru Akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia. Seramai 300 orang tetamu telah menghadiri majlis yang bermula pada jam 10.30 pagi dan berakhir pada jam 1.00 petang tersebut.

Majlis turut diserikan dengan Dendangan Gurindam oleh Puan Rogayah A. Hamid dari Dewan Bahasa dan Pustaka serta Nyanyian Nasyid oleh Kumpulan Rabbani.



Kanak-kanak sekolah turut sama membuat persembahan sempena pelancaran wajah baru Akhbar Jawi Utusan Melayu Mingguan di pentas Auditorium PNM.

"Utusan Melayu merupakan adalah suratkhabar pertama di Tanah Melayu"



**MAJLIS PELANCARAN SUMBANGAN BACAAN
GB EXPLORER SDN.BHD UNTUK PROGRAM MEMBACA 1MALAYSIA :
“ JAUH PERJALANAN LUAS PENGETAHUAN”**



Sidang Media yang dihadiri semasa Majlis Penyerahan Bahan Bacaan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dipengerusikan oleh Timbalan Menteri KPKK,



Senator Heng Seai, Timbalan Menteri KPKK tertarik melihat antara bahan-bahan bacaan yang disumbangkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

Majlis Penyerahan Sumbangan Bahan Bacaan GB Explorer Sdn. Bhd. telah berlangsung pada 11 Januari 2010 di Bilik Serbaguna

A r a s 1 , Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang disempurnakan oleh YB Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penetrangan, Komunikasi dan Kebudayaan pada jam 2.30 petang. Majlis penyerahan

telah dilakukan oleh YBhg. Dr. Albert Tan, Ketua Pegawai Eksekutif GB Explorer Sdn. Bhd



k e p a d a Perpustakaan Negara Malaysia yang diwakili oleh Ketua Pengarah. Hadir sama pada majlis ini adalah pegawai-pegawai kanan PNM dan kakitangan.

M a j l i s

penyerahan sumbangan ini telah diadakan sebagai usaha sama dan kerjasama PNM dengan GB Explorer bagi menyediakan koleksi sudut bacaan di dalam keretapi bersempena Program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan yang diadakan oleh PNM dengan kerjasama Keretapi Tanah Melayu Malaysia Berhad pada tahun 2009. Di dalam Program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan, bahan-bahan bacaan akan disediakan kepada penumpang di dalam gerabak keretapi bagi kemudahan pembacaan dan rujukan.

Di samping itu, PNM telah mengadakan Bank Buku untuk memberi peluang kepada orang ramai menderma buku untuk diletakkan di sudut bacaan dalam keretapi. Justeru terpanggil dengan keperluan tersebut, pihak GB Explorer telah berbesar hati bagi membekalkan bahan bacaan untuk sudut tersebut. Syarikat ini telah bermurah hati dengan membekal buku-buku dan

majalah berbahasa cina sebanyak 1,000 naskhah setakat ini bagi bacaan penumpang. Usaha ini bertepatan dengan objektif Program Jauh Perjalanan Luas Pengetahuan iaitu mendidik warga Malaysia menyemai amalan membaca walau di mana berada, meningkatkan kesedaran kepentingan membaca kepada pengguna perkhidmatan pengangkutan awam dan mengisi masa lapang penumpang perkhidmatan pengangkutan awam dengan pengisian minda yang bermanfaat.

Adalah diharapkan dengan sumbangan ini sudut bacaan di dalam keretapi dapat dimanfaatkan sebaik mungkin kepada pengguna perkhidmatan pengangkutan awam bagi melahirkan masyarakat Malaysia yang gemar membaca tidak kira di mana berada.

“Tahukah anda Red Spot item merupakan bahan yang tidak bahan yang tidak boleh dipinjam”

MAJLIS PELANCARAN IKON MEMBACA 1MALAYSIA, DATUK MICHELLE YEOH

Usaha berterusan untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang berbudaya membaca diteruskan dengan perlantikan Ikon Membaca 1Malaysia. Program ini diadakan sebagai pencetus kepada masyarakat untuk mencontohi individu yang dilantik ini dari segi minat membaca beliau sehingga membawa kejayaan dalam hidup. Di samping sebagai mewakili masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, pemilihan Datuk Michelle Yeoh adalah bertepatan bagi menuhi hasrat kerajaan dalam merealisasikan konsep 1Malaysia. Datuk Michelle Yeoh dipilih kerana pencapaian, kecermerlangan dan kejayaannya pada peringkat antarabangsa sehingga diiktiraf seluruh dunia.

Datuk Michelle Yeoh atau nama sebenarnya Yeoh Choo Kheng adalah anak kelahiran Ipoh, Perak pada 6 Ogos 1962. Beliau merupakan anak kepada pasangan Yeoh Kian Teik dan Janet Yeoh. Semenjak kecil lagi beliau amat meminati bidang tarian dan telah mula mempelajari talian balet pada usia 4 tahun. Pada usia 15 tahun beliau telah mengikuti bapanya berpindah ke England dan menyambung pelajaran tarian di Royal Academy of Dance, London sehingga memperolehi Sarjana muda Koreografi dan Drama.

Bersambung di muka 12



"Tahukah anda Datuk Michelle Yeoh merupakan individu ketiga menjadi ikon membaca 1Malaysia"



Timbalan Menteri KPKK, Senator Heng Seai Kei menandatangani sempena perasmian pelancaran Ikon Membaca 1Malaysia yang baru.



Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar menyampaikan cenderamata kepada Senator Heng Sei Kei



Datuk Michelle Yeoh memimpin bacaan sambil dibacakan oleh kanak-kanak yang turut hadir sambil diperhatikan oleh Senator Heng Seai Kei Ketua Pengarah PNM dan tetamu VIP yang lain.



"YBhg Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie merupakan antara ikon membaca 1 Malaysia"



Pada tahun 1983, beliau telah memenangi Pertandingan Ratu Cantik Malaysia dan telah mewakili negara ke pertandingan Ratu Cantik Dunia (Miss World) di London. Bermula dari sinilah beliau mula menceburi bidang lakonan dan lakonan bersama actor terkenal Jackie Chan dan Chow Yuen Fat. Pada April 2001, beliau telah dianugerahkan Darjah Datuk Paduka Mahkota Perak (DPMP) yang membawa gelaran Datuk oleh Sultan Azlan Shah sempena Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang ke-73. Duta Besar Perancis ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Alain Du Boispeen telah menganugerahkan pingat *Chevalier de la Legion D'honneur* kepada Datuk Michelle Yeoh pada 3 Oktober 2007. Beliau telah menepati status antarabangsa setelah berganding dengan antaranya Pierce Brosnan dalam filem *James Bond, Tomorrow Never Dies, Memoir of Geisha* dan *Crouching Tiger, Hidden Dragon* arahan Ang Lee. Filem lain lakonan beliau ialah *Police Story 3: Supercop, Yes Madam, The Heroic Trio, Tai-Chi Masters, The Mummy: Tomb of the Dragon Emperor, The Soong Sisters, Sunshine* dan *Far North*.

Memandangkan kejayaan beliau inilah maka beliau telah dilantik sebagai ikon membaca pada majlis yang yang disempurnakan oleh Senator Heng Seai Kie, Timbalan Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan di Auditorium Perpustakaan Negara Malaysia pada 21 April 2010 jam 11.00 pagi.



Antara persembahan yang dibuat semasa upacara pelancaran Ikon 1Malaysia



Dari Kiri Senator Heng Seai Kei, Timbalan Menteri KPKK, Datuk Michelle Yeoh, Ikon Membaca 1Malaysia dan Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM.



Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar menerangkan koleksi Perpustakaan kepada Datuk Michelle Yeoh

PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2010 ANJURAN BERSAMA YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA DAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai peneraju utama dalam menjayakan misi melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya membaca telah menjalinkan persefakatan pintar dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta NGO di dalam menggerakkan aktiviti galakan membaca bagi memupuk kesedaran dan minat membaca pelbagai kaum. Sebagai permulaan program galakan membaca 2010 telah dilakukan bersama dengan Yayasan Kepimpinan Perdana yang bertujuan menerapkan budaya membaca di kalangan pelajar, membina sikap percaya dan yakin dalam diri pelajar terutamanya pengetahuan sejarah bagi meningkatkan pengetahuan dan merealisasikan pencapaian wawasan negara, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu di kalangan pelajar serta melibatkan pelajar di dalam pelbagai aktiviti membaca dan literasi maklumat.

Program galakan membaca yang dijalankan pada kali ini adalah dalam bentuk pertandingan jejak maklumat. Seramai 10 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 pelbagai kaum dari 4 buah sekolah terlibat. Sekolah-sekolah tersebut ialah :-

- SMK Maxwell
- SMK Bandar Baru Sentul
- SMK Seri Titiwangsa
- SMK Seri Ampang



"PNM telah menjalinkan persefakatan pintar dengan agensi kerajaan, swasta dan NGO"



Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali ketika ucapan beliau di Bilik Serbaguna PNM.



Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali disambut oleh para pegawai atasan PNM.



Di dalam program ini, peserta dikehendaki mendapatkan maklumat berdasarkan topik yang diberikan dan perlu berbincang secara kumpulan serta membentangkannya untuk dinilai oleh juri dari PNM dan Yayasan Kepimpinan Perdana. Masa 30 minit diberikan untuk membuat ulasan, kesimpulan dan dapatan mengenai topik yang diberikan termasuk sesi soal jawab. Peserta dipimpin oleh 2 orang fasilitator, seorang dari PNM dan seorang lagi dari YKP. Pencarian maklumat adalah menggunakan OPAC dan bahan pameran di PNM.



"Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali adalah bekas graduan di Fakulti perubatan Universiti Malaya di Singapura"



Majlis Perasmian program yang berlangsung pada 30 Mac 2010 ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM di Bilik Serbaguna Aras 1 jam 9.00 pagi yang dihadiri oleh peserta program serta guru pengiring, pengurusan YKP, Kementerian Pelajaran Malaysia dan pegawai kanan dan staf PNM yang terlibat. Manakala Majlis Penutup telah disempurnakan oleh YBhg Puan Zarina binti Abu Bakar, Pengurus Besar Yayasan Kepimpinan Perdana. Sebelum itu sesi bersama YABhg Tun Dr. Siti Hasmah Hj. Mohd Ali, isteri kepada Perdana Menteri ke-4 telah berlangsung. Pada majlis ini juga, YBhg Tun telah sudi menyampaikan hadiah dan sijil penghargaan kepada pemenang dan semua peserta dan guru yang terlibat di dalam program berkenaan. Pemenang pertandingan jejak maklumat pada kali ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Titiwangsa.



Mungkin ada suatu tarikan terhadap gambar suami beliau Tun Dr Mahathir Mohamad hingga menarik perhatian Tun Dr Siti Hasmah



Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali ketika ke pameran Tun Dr Mahathir Mohamad di perkarangan PNM



Bergambar selepas majlis penyampaian hadiah



Sesi bergambar Pegawai PNM dan Ketua Pengarah PNM bersama Tun Dr Siti Hasmah Hj Mohd Ali

MAJLIS PELANCARAN MARI MEMBACA 1MALAYSIA



Menteri KPKK, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim merasmikan mari membaca 1Malaysia sambil diperhatikan oleh Timbalan Menteri KPKK, Senator Heng Seai Kei.



"Gagasan 1Malaysia menekankan slogan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan"



Bertepatan dengan usaha kerajaan memperkenalkan gagasan 1Malaysia yang dicetuskan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Mohd Najib Tun Razak, maka program membaca juga dilaksanakan berlandaskan kepada konsep tersebut. Sejak dengan matlamat tersebut, maka Majlis Pelancaran Mari Membaca 1Malaysia telah diadakan bagi menguar-uarkan kepada masyarakat akan hala tuju program membaca bagi tahun 2010 dan penglibatan pelbagai kaum di dalam program berkenaan.

Bermula 2010, aktiviti galakan membaca akan diperhebatkan dengan melibatkan kolaborasi atau persefikatan pintar dengan pelbagai pihak meliputi agensi kerajaan,

swasta dan badan bukan kerajaan. Objektif utamanya adalah untuk memberi maklumat kepada warga Malaysia tentang aktiviti program membaca yang akan diadakan sepanjang 2010, menjalinkan persefikatan pintar dengan pelbagai pihak untuk menjalankan aktiviti sepanjang 2010 dan sebagai satu langkah promosi dan publisiti program membaca yang akan dijalankan sepanjang 2010.

Majlis pelancaran Mari Membaca 1Malaysia telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan yang turut dihadiri oleh Timbalannya, Senator Heng Seai Kei di Auditorium PNM pada 2 Mac 2010.

Hadir sama adalah Ketua Pengarah PNM, pegawai kanan dan kakitangan serta Perpustakaan Gunasama dan jemputan lain.

Pada Majlis ini, individu dan agensi yang terlibat di dalam menjayakan program membaca telah diberi pengiktirafan dan penghargaan sewajarnya. Jelas melalui pelantikan YBhg Dato' Dr. Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie, angkasawan pertama negara sebagai ikon membaca.

Penghargaan juga turut diberikan kepada MPH Group Sdn. Bhd., Pengekspot dan Pengimpot Buku Malaysia (MBEIA), Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA), Persatuan Kontraktor Buku Malaysia (PKBM), Nagasteel Equipment Sdn. Bhd., Exxon Mobil Malaysia Sdn. Bhd., KTMB, Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd.



Para hadirin berdiri bagi menghormati Lagu Kebangsaan dan Lagu Jabatan



Gagasan
1 Malaysia telah
dilahirkan oleh
Perdana Menteri
Malaysia, Datuk
Seri Mohd Najib Tun
Abdul Razak”



Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar menyampaikan cenderahati kepada Menteri KPKK, Datuk Seri Utama Dr Rais Yatim-sambil diperhatikan oleh Senator Heng Seai Kei

Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis, Kumpulan Sasterawan Kavyan, Bank Rakyat, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad., Educate To Learn Sdn. Bhd., Yayasan Kepimpinan Perdana, ITNMB, Hospital Kuala Lumpur, Sekolah Kebangsaan Bahagia, kuala Krai, kelantan, IPGM Kota Bharu, Pengkalan Chepa, Kelantan, Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA), Sekolah Menengah Sains Muzaffar Shah, Ayer Keroh, Melaka dan Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Bersempena dengan Majlis ini juga jingle lagu membaca turut diperkenalkan yang dinyanyikan oleh penyanyi Nurul.

Semoga dengan pengiktirafan ini akan menarik penyertaan ramai lagi agensi di dalam aktiviti dan program membaca sejarah dengan hasrat untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya membaca.



Sesi bergambar di pentas Auditorium PNM

KARNIVAL MEMBACA 1MALAYSIA SEMPENA KARNIVAL CITRA BUDAYA : “SECUCUR WARISAN SECANGKIR BUDAYA” DAN KARNIVAL IRC.



“Perpustakaan Negara Malaysia memfokuskan kempen membaca di kalangan rakyat Malaysia”

Upacara menggendangkan gong sempena Karnival Citra Budaya oleh YBhg Datuk Dr. Zainal Abidin Haji Kassim, Rektor UTP sambil diperhatikan oleh Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar.

Perpustakaan Negara Malaysia sebagai peneraju program membaca merasakan adalah penting untuk memperkasakan aktiviti galakan membaca melangkui sempadan. Justeru untuk memperhebatkan program membaca, kerjasama dengan pelbagai agensi telah diyatik dimulai dengan *Friends of Information Resource Center (FIRC)*, Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak. Hasilnya terlaksanalah program Karnival Citra Budaya dan Karnival IRC

di UTP pada 20-24 Februari

2010 yang disasarkan kepada warga kampus, pelajar sekolah dan penduduk luar bandar untuk mempastikan masyarakat setempat turut mendapat kemudahan maklumat sewajarnya. Majlis Perasmian Karnival Membaca 1Malaysia sempena Karnival Citra Budaya telah dilaksanakan pada 22 Februari 2010 di Dewan Chancellor UTP yang disempurnakan oleh Puan Juniawati binti Rahmat Husin, Naib Presiden Bahagian

Pendidikan Petronas. Hadir sama adalah YBhg Datuk Dr. Zainal Abidin Haji Kassim, Rektor UTP, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia yang juga telah memberikan ucapan pada majlis ini, Encik Sabri bin Abu Bakar, pengurus IRC dan Cik Norizzati binti Mohd Shahreen, pengurus projek Karnival IRC 2010.



PROFESSIONALISME

Bersempena dengan program ini, ceramah motivasi yang dikaitkan dengan pengalaman ke angkasa lepas telah disampaikan oleh YBhg Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie Angkasawan Pertama Negara yang dihadiri oleh pelajar sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Bagi menyemarakkan lagi program yang disertai oleh agensi awam dan swasta, Perpustakaan Negara Malaysia telah melaksanakan aktiviti gali kata, bina kata, pintar jawi, kempen keahlian PNM dan

cintakan ilmu di kalangan warga malaysia. Ceramah Perpustakaan Keluarga pula telah diadakan pada sebelah petang selama 2 jam oleh Puan Beghum Ulphat Shehnaaz dari Perpustakaan Negara Malaysia bagi memberi maklumat kepada orang awam untuk mewujudkan sudut bacaan atau perpustakaan mini di rumah. Ini kerana amalan membaca bermula di rumah. Aktiviti lain yang dilaksanakan sempena karnival ini ialah pameran, expo buku, expo IT, demonstrasi membuat labu



**"Tahukah anda
tapak Kampus
Universiti Teknologi
Petronas dahulunya
ialah Kampus
cawangan Universiti
Sains Malaysia,
Perak"**



Sesi bergambar bersama Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar

Kelab Membaca Sinar Pintar serta pameran kandungan digital. Pameran ini dibuat bertujuan memberi maklumat kepada umum tentang PNM dan memberi peluang kepada pelajar terutama pelajar luar negara untuk lebih mengenali dan mengetahui mengenai perkhidmatan yang disediakan. Aktiviti ini telah berlangsung pada 22 Februari 2010.

Program yang dikendalikan oleh FIRC dengan PNM ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan membaca, membudayakan membaca di kalangan masyarakat dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan

sayong, ceramah, pertandingan mewarna, tayangan filem, kiosk, lollichoc tree, PS Games dan Wildlife Games.

Semoga dengan terlaksana aktiviti ini dapat mengeratkan silaturrahim di antara pihak Universiti dan Jabatan Perpustakaan Negara Malaysia.



MAJLIS PELANCARAN BACALAH MANJAKU 1MALAYSIA

Dalam memperkasakan amalan membaca di kalangan masyarakat Malaysia, usaha diteruskan dengan melibatkan golongan kurang upaya dan tidak berasib baik. Untuk tujuan tersebut, PNM telah menjelajah ke institusi kesihatan terutamanya klinik dan hospital dengan menemui pesakit dan mereka yang menunggu untuk mendapatkan rawatan bagi mengadakan program dan aktiviti galakan membaca. Bagi tahun 2010, PNM telah ke Hospital Umum Kuching, Sarawak bagi mengadakan program Bacalah Manjaku 1Malaysia. Program Bacalah Manjaku buat pertama kalinya telah diadakan di Institut Pediatrik, HKL pada 17

Mei 2010 yang telah dirasmikan oleh YB Tuan Teng Boon Soon, Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Program ini diteruskan pula di Klinik Talasemia Jabatan Pediatrik, Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis pada 14 Mei 2009 yang disempurnakan oleh DYMM Tuanku Raja Perempuan Perlis.

Objektif diadakan program ini adalah membantu pihak hospital kerajaan menyediakan pelbagai koleksi bahan

bacaan untuk kegunaan pesakit yang berada di wad, membantu ibu bapa pesakit mendapat akses kepada bahan bacaan dan beriadah minda melalui membaca semasa mereka berada di wad dan menyediakan kemudahan rawatan terapi berkonsepkan

Badut pula dijemput membuat persembahan selingan bagi menghiburkan kanak-kanak. YABhg Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah juga berkesempatan merasmikan sudut bacaan hospital yang diusahakan sumbangannya oleh



YABhg Toh Puan Datuk Patinggi Hajah Norkiah merasmikan sudut bacaan hospital di Hospital Kuching Sarawak

kebudayaan dan kesenian menerusi pembacaan dan permainan. Di dalam program Bacalah Manjaku ini, pelbagai aktiviti galakan membaca telah diadakan meliputi sesi bercerita, Sesi melukis dan Kraftangan, pertunjukan boneka, persembahan nyanyian oleh artis jemputan (Bob AF) dan persembahan berkonsepkan *fun, play and laughter*.



Pustaka Negeri Sarawak, rak buku sumbangan syarikat Nagasteel Equipment Sdn. Bhd. dan Educate To Learn Sdn. Bhd. telah menyumbangkan permainan i-play toy.




**Hospital Umum
Sarawak terletak di
Jalan Tun Ahmad
Zaidi Adruce,
Kuching, Sarawak”**



PROFESSIONALISME



PBAKL 2010





Badut menceriakan kanak-kanak yang hadir ke PNM



Puan Hajah Siti Rodziah membuat lawatan ke gerai PNM semasa PBAKL 2010

En Kamarudin Mat Nata dan En Azrul sedang menunggu tetamu VIP PNM.



Dato' Raslin memepengerusikan Salah satu mesyuarat PNM



AKTIVITI GALAKAN MEMBACA SEMPENA LAWATAN TADIKA EDUCARE UIAM

Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM

Masa : 10.00 pagi -
11.00 pagi

Tarikh : 2,3 Mac 2010

Aktiviti ini diadakan khas sempena dengan lawatan daripada Tadika Educare UIAM bagi kehadiran mereka ke Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 60 orang pelajar bagi setiap sesi menyertai aktiviti ini.

Para pelajar juga turut diiringi oleh 10 orang guru pengiring. Dalam aktiviti ini, para pelajar dibekalkan dengan



Antara peserta yang hadir dalam aktiviti tersebut

krayon dan gambar untuk diwarnakan. Mereka diberi masa selama 1 jam untuk menyiapkan hasil mereka. Krayon yang digunakan terus diberikan kepada mereka sebagai cenderamata. Mereka

berjaya menghasilkan warna-warna kreatif dalam menyelesaikan proses mewarna gambar yang disediakan.



**“Melentur buluh
biarlah dari
rebungnya”**

AKTIVITI SEMPENA LAWATAN TADIKA SERI AL-AMIN

Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM

Masa : 10.00 pagi -
12.00 tengah hari

Tarikh : 29 April 2010

Seramai 60 orang pelajar menyertai rombongan ini dan 10 orang guru pengiring. Sebelum memulakan aktiviti, mereka diberi sedikit

taklimat mengenai perkhidmatan yang terdapat di Perpustakaan Kanak-kanak. Para peserta rombongan kali ini berpeluang menyertai tiga aktiviti iaitu bercerita, bermain dengan nombor dan sand art. Tajuk cerita yang disampaikan ialah Belalang Dengan Semut. Bagi aktiviti bermain dengan nombor, mereka dibahagikan kepada kumpulan dan setiap kumpulan berpeluang menguji minda masing-masing menggunakan blok nombor yang disediakan. Bagi aktiviti sand art pula, mereka diberi kebebasan untuk menghasilkan sand art mengikut kreativiti bermain dengan warna.



Adik-adik sedang tekun semasa menyertai acara yang dijalankan



ANAK BANGSA CEMERLANG (ABC) 1 MALAYSIA BERSAMA PELAJAR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT UiTM

Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM
 Masa : 8.00 pagi - 4.00 petang
 Tarikh : 13 Mac 2010

Program ini dirasmikan oleh Yang Bhg. Dato' Raslin bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia. Majlis perasmian bermula pada jam 9.30 pagi. Para pembaca serta pengunjung turut disajikan dengan persembahan boneka dan nyanyian lagu 1Malaysia. Sebaik sahaja selesai perasmian, aktiviti seperti yang dirancang telah dimulakan. Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang hari sebagai pengisian program ini. Program ini turut mendapat liputan daripada pelbagai media massa. Promosi dan publisiti program ini telah dilakukan menggunakan bahan bercetak seperti bunting, *banner*, *flyers* dan poster. Selain itu, hebahan melalui media massa juga turut dilakukan iaitu, hebahan secara *crawlers* di RTM dan siaran langsung di rancangan *Hello On Two* oleh Ketua Bahagian Pinjaman.

Pengisian Program:

1. Persembahan boneka
2. *Hand and paint banner*
3. Pakaian beragam
4. *Happy balloon*



"Fakulti Pengurusan Maklumat adalah salah satu jurusan yang terdapat di UiTM"



Ketua Pengarah PNM ketika memberi sedikit ucapan perasmian

5. Pertandingan bercerita
6. Pertandingan mewarna
7. *Explore race*
8. Kuiz 1Malaysia
9. Pameran dan tayangan video

baca dan melahirkan masyarakat berilmu juga perlu diteruskan. Kerjasama dengan pelbagai agensi dan institusi akan dapat memantapkan lagi usaha memupuk budaya



Perasmian telah dibuat oleh Dato' Raslin Abu Bakar,
Ketua Pengarah PNM

Penganjuran aktiviti seperti ini dapat menarik minat para pembaca untuk berkunjung ke perpustakaan dan seterusnya dapat memupuk minat membaca di kalangan kanak-kanak lagi. Kerjasama dengan pelbagai institusi dalam menggalakkan budaya mem-

membaca dan cintakan ilmu di kalangan pelbagai lapisan masyarakat 1Malaysia.

LET'S READ WITH BOOKWORM

Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM
Masa : 11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Tarikh : 13 Mac 2010

Dalam aktiviti ini, kanak-kanak diberi tunjuk ajar untuk membuat penanda buku yang bertemakan ‘ulat buku’ dan dibuat dalam bentuk *love*. Tema ini dipilih kerana ulat buku begitu sinonim dengan orang yang gemar membaca buku. Bahan-bahan yang digunakan ialah, *eva foam sheet*, gam, gunting dan pensel.



“PNM menyediakan Perpustakaan kanak-kanak untuk kanak-kanak berumur sehingga 11 tahun”

Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM
Masa : 11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Tarikh : 13 Mac 2010



Acara sebegini memang seronok dijalankan apatah lagi melibatkan adik-adik yang membesar dengan bijak.

Mereka dikehendaki menggunting *eva foam sheet* yang terdiri daripada pelbagai warna kepada bentuk *love* yang bersaiz besar ke kecil. Bentuk-bentuk tersebut

dicantumkan menggunakan gam bagi menghasilkan penanda ulat buku. Hasilnya amat menarik dan comel.

GALI KATA

Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM
Masa : 11.00 pagi - 12.00 tengah hari
Tarikh : 13 Mac 2010

Aktiviti ini disertai oleh berumur 7 hingga 12 tahun. Aktiviti ini juga turut disertai oleh pelajar Sekolah Agama Meru yang datang melawat ke Perpustakaan Negara pada hari tersebut. Ia



Peserta-peserta diberi masa tertentu dalam acara tersebut.

bertujuan menguji minda kanak-kanak dalam mencari seberapa banyak perkataan tersembunyi dan membina seberapa banyak perkataan daripada satu perkataan. Di samping berkunjung ke perpustakaan untuk membaca, kanak-kanak juga dapat memperoleh banyak ilmu dengan cara belajar sambil berseronok bersama rakan-rakan dengan menyertai aktiviti ini. Hal ini juga dapat membantu menambahkan kosa kata bagi setiap peserta.



KLINIK DR.JAWI

Tuan Haji Azman Haji Ahmad sedang

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah menganjurkan bengkel Klinik Dr. Jawi pada 24-25 April 2010 bertempat di Bilik Serbaguna Aras 1, PNM. Bengkel ini merupakan sebagai salah satu pengisian Program Pembudayaan Tulisan Jawi 2010.

Klinik Dr. Jawi dianjurkan bertujuan untuk memperkenalkan kaedah ejaan rasmi yang digunakan pakai berdasarkan Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi terbitan Dewan Bahasa dan

Pustaka, edisi kedua tahun 2008. Selain itu juga, penganjuran Klinik Dr. Jawi adalah untuk meningkatkan penguasaan peserta membaca dan menulis jawi di samping menyemarakkan budaya tulisan jawi di kalangan masyarakat dari pelbagai bangsa.

Penceramah yang dijemput untuk mengendalikan program tersebut ialah Tuan Haji Azman Haji Ahmad, Pegawai Khas kepada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka. Selama dua hari bengkel

diadakan, seramai 38 orang peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi, penjawat awam dan masyarakat umum dari pelbagai bangsa menyertai Klinik Dr. Jawi tersebut.



Edikit ucapan alu-aluan dari penganjuran iaitu pegawai PNM.



Sesi bergambar peserta Klinik Jawi

oleh seorang penceramah berpengalaman iaitu Tuan Haji Abdul Rahim bin Husin daripada Akademi Intergrasi Moden. Beliau banyak terlibat dengan pelbagai kursus dan ceramah yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan dan swasta. Sesi ceramah bermula pada pukul 2.30 hingga pukul 4.30 petang. Ceramah disampaikan berdasarkan modul yang telah ditetapkan oleh penceramah. Para peserta terdiri daripada 140 orang pelajar sekolah rendah dan menengah yang juga merupakan peserta NILAM peringkat kebangsaan.



"Klinik Dr.Jawi memperkenalkan kaedah ejaan rasmi tulisan jawi yang baru"

MOTIVASI CEMERLANG PEPERIKSAAN



Tempat : Teater Kanak - Kanak, PNM

Masa : 11.00 pagi -
12.00 tengah
hari

Tarikh : 13 Mac 2010

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai kaedah menjadi seorang pelajar cemerlang. Ia dikendalikan

SESI BERCERITA : 1 NEGARA 1 MALAYSIA MARI MEMBACA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2010

Tempat : PWTC
Masa : 2.00 petang-
3.00 petang
Tarikh : 23 Mac 2010

Sesi bercerita ini dikendalikan oleh pencerita jemputan iaitu Puan A. Mahajothi. Beliau merupakan seorang guru tadika dan berpengalaman dalam mengendalikan aktiviti kanak-kanak. Para peserta terdiri daripada kanak-kanak tadika. Cerita yang disampaikan oleh pencerita bertemakan 1Malaysia.



Antara aktiviti yang dilangsungkan

kanak-kanak yang berpakaian mewakili 3 kaum utama di Malaysia. Cerita yang disampaikan amat menarik dan berjaya menarik perhatian kanak-kanak terlibat.

Beliau bercerita dengan menggunakan peralatan seperti topeng dan patung buatan sendiri bagi menarik perhatian kanak-kanak yang terlibat. Beliau juga turut menggunakan model



“Aktiviti ini
dijalankan bagi
menarik minat
pembaca supaya
suka membaca”

AKTIVITI BERCERITA DAN KRAFTANGAN

Tempat : Rumah Harapan Al-Khadeem,
Shah Alam
Masa : 10.00 pagi-
12.00 tengah
hari
Tarikh : 18 April 2010

Bahagian Pinjaman dengan kerjasama Puan Shamsul Kamariah Penolong Pengarah Kanan Pusat Penyerahan Terbitan Negara telah mengadakan sesi bercerita bersama-sama anak rumah harapan ini yang berjumlah seramai 80 orang.

Puan Shamsul Kamariah telah menyampaikan 2 buah cerita-cerita teladan



Puan shamsul Kamariah mengendalikan program bersama kanak-kanak

dan juga cerita yang berunsurkan 1Malaysia seperti yang inspirasikan oleh YAB Perdana Menteri kita. Aktiviti bercerita ini juga disertai dengan aktiviti mewarna dan membuat kraftangan bagi mengembangkan idea

anak-anak ini. Aktiviti ini telah di koordinasikan oleh Puan Shahliza Adanan dan dibantu oleh beberapa orang kakitangan rumah harapan Al-Khadeem.



PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA JANUARI KE APRIL 2010

“Tahukah anda program pendidikan pengguna membantu pelanggan mendekati PNM”



Perpustakaan Negara Malaysia telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Program Pendidikan Pengguna (PPP) demi memenuhi keperluan para pengguna kearah masyarakat literasi maklumat.

PPP berperanan untuk menggalakkan proses intelektual dan kemahiran mengenai teknologi maklumat dalam usaha pengesanan dan dapatkan kembali maklumat selaras dengan dunia maklumat global. Program ini ber-

mula jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Antara objektif di akhir program ini ialah para peserta dapat mengetahui jenis-jenis bahan maklumat yang terdapat di Perpustakaan Negara Malaysia mengetahui cara-cara untuk mengakses dan dapatkan kembali maklumat. Jadual Program Pendidikan Pengguna (PPP) bermula pada bulan Januari sehingga April 2010 adalah seperti berikut:

**SEKOLAH MENENGAH DI KAWASAN KUALA LUMPUR/SELANGOR**

BIL	INSTITUSI / SEKOLAH	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1	SMK Kampong Jawa, Selangor	24 Feb. 2010	28 orang pelajar 2 orang guru
2	SMK Pendidikan Khas Vo-kasional, Shah Alam, Selangor	24 Mac 2010	25 orang pelajar 5 orang guru
3	S.M.K Subang Utama. Selangor	13 April 2010	30 orang pelajar 3 orang guru
4	S.M.K Telok Panglima Garang, Selangor	20 April 2010	40 orang pelajar 4 orang guru
5	S.M.K Tengku Bendahara, Gua Musang, Kelantan	29 April 2010	20 orang pelajar 2 orang guru

PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN PNM 11 MAC 2010



Permandangan sudut atas semasa Hari Bertemu Pelanggan



"PNM mengadakan Hari Bertemu Pelanggan setiap bulan mulai bulan Mac 2010"



Puteri UMNO turut tidak melepaskan kesempatan menyokong dan bertanya soalan

petang bertempat di Lobi PNM. Para pelanggan

Objektif Program Hari Bertemu Pelanggan PNM adalah seperti berikut:

1. Mempromosi dan memberi maklumat kepada orang ramai mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh PNM.
2. Memberi peluang kepada ahli PNM, pengunjung serta orang ramai untuk bersemuka secara terus bagi berbincang dan bertukar pandangan.
3. Mendapatkan maklumbalas melalui aduan dan cadangan bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan PNM.

Sebanyak 17 kaunter telah dibuka yang melibatkan perkhidmatan berikut:

- Perkhidmatan Perpustakaan
- Perkhidmatan Digital
 - Pengurusan

Perkhidmatan PERDANA

- Pembangunan Kandungan
- Pakar Maklumat
- Pusat Maklumat Malaysiana
- Pusat Manuskrip Melayu
- Maklumat Umum
- Pemuliharaan
- Penerbitan
- Gerakan Literasi dan Maklumat
- Pinjaman

Khidmat Nasihat mengenai perkhidmatan yang disediakan

- Perancangan dan Dasar Korporat
- Perkhidmatan kepada Penerbit





Kain rentang di luar perkarangan PNM sempena Hari Bertemu Pelanggan

- Pusat Biblografi Negara
- Pusat Penyerahan Terbitan Negara
- Khidmat Teknik
- Khidmat Nasihat dan Perundingan
- Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia.

Program ini membuka peluang kepada pengguna yang ingin memberikan sebarang komen, cadangan dan

maklumbalas yang merangkumi semua aspek termasuklah kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM. Sebanyak 13 jenis maklumbalas pelanggan yang diterima terdiri daripada 5 berbentuk aduan, 4 cadangan dan 4 penghargaan telah diterima oleh pihak PNM. Manakala statistik menunjukkan sebanyak 758 orang pengunjung perpustakaan telah hadir pada program tersebut.

Justeru itu, Program Hari Bertemu Pelanggan PNM dapat mempromosikan perkhidmatan sedia ada perpustakaan, memperbaiki serta meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan



Pengunjung PNM diberi layanan mesra oleh kakitangan PNM pada program tersebut.




Taklimat oleh pegawai PNM kepada salah seorang pengunjung


bagi memastikan perpustakaan di negara ini dapat menjadi sebuah institusi keilmuan yang unggul di mata masyarakat.




Statistik merupakan satu aspek yang penting dan amat dititikberatkan oleh pihak pengurusan Perpustakaan Negara Malaysia dalam menilai sejauhmanakah perkhidmatan yang ditawarkan dapat memenuhi kehendak semasa pengunjung yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Empat (4) bulan pertama tahun 2010 menyaksikan pertambahan 20,300 keahlian baru PNM menjadikan kumulatif keahlian PNM kini 885,630 orang.




Manakala jumlah pengunjung yang telah mengunjungi premis PNM sepanjang tempoh Januari hingga April ialah 161,431 orang.



Perkhidmatan Pinjaman merupakan salah satu kemudahan utama disediakan kepada masyarakat untuk mendapatkan bahan bacaan terkini. Berdasarkan rekod PNM sehingga April 2010 sebanyak 209,914 bahan telah ditransaksi sebagai bahan yang dipinjam.



Bagi membudayakan lagi amalan membaca di kalangan masyarakat Malaysia, PNM sentiasa berusaha mengukuhkan lagi pembinaan koleksi agar masyarakat akan sentiasa didekah dengan sumber bahan bacaan yang terbaru dan terkini samaada untuk riadah atau sebagai bahan rujukan.





PERASMIAN PERPUSTAKAAN DESA TANJUNG BELANJA, PARIT, PERAK DAN KARNIVAL CITRA BUDAYA 1MALAYSIA

**1 MARI
MEMBACA
MALAYSIA**
Malaysia PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA



Karnival membaca 1Malaysia telah diadakan pada 12 Januari 2010 bersempena perasmian Perpustakaan

Desa Tanjung Belanja, Perak, Perak. Dalam pelancaran tersebut program Karnival Citra Budaya 1Malaysia turut diadakan. Program tersebut merupakan kerjasama di antara PNM dengan Friends of Information Resource Center, Universiti Teknologi Petronas, Tronoh, Perak. Objektif program ini bertujuan untuk menggalakkan masyarakat membaca dengan menggunakan prasarana dan kemudahan perkhidmatan perpustakaan perlu disediakan kepada penduduk. Justeru Perpustakaan Desa didirikan bagi memudahkan penduduk mengakses maklumat.

Kemudahan prasarana ini tidak akan sempurna jika tidak dimanfaatkan dengan program atau aktiviti bagi mewujudkan masyarakat yang berilmu dan berminda kelas pertama.

Sehubungan itu, pelbagai aktiviti meliputi pendaftaran keahlian perpustakaan desa, pendaftaran Kelab Membaca Sinar Pintar, pertandingan mewarna, gali kata, bina kata, pintar jawi, langkah ria, pertandingan karaoke lagu klasik, permainan pembelajaran dan senam seni telah diadakan manakala



Papan tanda Perpustakaan Desa, Tanjung Belanja

Pertandingan Paintball, sukaneka kanak-kanak, cabaran teh tarik, permainan sukan rakyat meliputi tarik upih, boling kelapa dan rakit darat serta pendaftaran retro wheels dikendalikan oleh pelajar-pelajar dari UTP Tronoh.

Majlis Perasmian Desa Tanjung Belanja telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hassan, ADUN Belanja yang turut dihadiri oleh Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dan Pegawai Kanan PNM serta FIRC selaku Pengurus Projek Karnival IRC 1Malaysia 2010. Majlis telah



Upacara menandatangani tugu semasa perasmian Perpustakaan Desa

berlangsung pada 21 Februari 2010.



Upacara perasmian untuk memasuki bangunan

Perpustakaan Desa Parit Belanja yang terletak lebih kurang 10km dari Pekan Parit adalah berdekatan dengan kemudahan asas seperti klinik, sekolah rakyat, sekolah rendah, masjid dan kedai runcit. Adalah dijangkakan penubuhan perpustakaan ini akan mendapat

sambutan baik penduduk dengan terbinanya jambatan baru yang memudahkan penduduk kampung Talang ke pekan Parit. Ditambah pula dengan terdapatnya 15 buah

"Tanjung Belanja terletak di Daerah Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan"





kampung berdekatan di sekitar Mukim Tanjung Belanja dan pengambilan Perpustakaan Desa ini sebagai anak angkat kepada FIRC, UTP, Tronoh, Perak. Perpustakaan ini mula beroperasi pada Januari 2010 dan dibuka setiap hari Selasa hingga Sabtu jam 9.00 pagi hingga 6.00 petang.

Karnival Membaca 1Malaysia Sempena Perasmian Perpustakaan Desa Tanjung Belanja, Parit, Perak dan Karnival Citra Budaya melibatkan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Perak, KEMAS Perak, Pejabat Daerah Perak Tengah, Majlis Daerah Perak Tengah, Pejabat Pelajaran, Jabatan Penerangan, Kesihatan, Polis, RELA Tanjung Belanja, JKKK Kampung Talang, Tanjung Nyiur, Talang Tasek Belanja Kiri dan Kampung Parit .

**"25 buah
Perpustakaan Desa
ditubuh pada tahun
2000 melibatkan
peruntukan
sebanyak RM 1.2
juta"**



Antara aktiviti semasa perasmian Perpustakaan Desa Tanjung Belanja



Sesi ceramah Puan Shamsul Kamariah sambil diperhatikan oleh Dato' Raslin Abu Bakar, Ketua Pengarah PNM



Senario pemandangan Perpustakaan Desa Tanjung Belanja semasa hari perasmian



Antara Kain rentang pemandangan di depan Perpustakaan Desa Tanjung Belanja

MARI MEMBACA 1MALAYSIA SEMPENA PERASMIAN**PERPUSTAKAAN DESA RPT JELAPANG BARU, MANJOI, IPOH****PERAK DARUL RIDZUAN**

Dalam usaha Perpustakaan Negara Malaysia untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berbudaya membaca, usaha terus dilaksanakan bagi mendekatkan masyarakat ke arah itu.. masyarakat desa juga tidak terkecuali. Bagi menjayakan hasrat tersebut

program Mari Membaca 1Malaysia telah dilaksanakan sempena perasmian

"Perpustakaan Desa diwujudkan untuk membolehkan masyarakat luar Bandar menikmati kemudahan pembacaan dan prasarana ilmu secara lengkap dan menyeluruh"

Perpustakaan Desa RPT Jelapang Baru, Manjoi, Ipoh, Perak yang berlangsung dari 13 -14 Mac 2010. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Hj. Ahmad Husni bin Hj. Mohamad Hanadzlah, Menteri Kewangan II merangkap ahli Parlimen Tambun. Turut hadir pada majlis ini adalah Ketua Pengarah PNM, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak, KEMAS, Jabatan Penerangan, Jabatan Pelajaran, Parlimen Tambun, JKPK dan penduduk setempat.

Mari Membaca 1Malaysia merupakan program amalan membaca yang dilaksanakan secara santai untuk menarik masyarakat setempat mengunjungi perpustakaan. Objektif program Mari Membaca 1Malaysia sempena perasmian perpustakaan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap



Perasmian oleh Ahli Parlimen Tambun merangkap Menteri kewangan Kedua, Dato' Seri Hj. Ahmad Husni bin Hj. Mohamad Hanadzlah

kepentingan membaca, membudayakan amalan membaca dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu di kalangan warga Malaysia.

Bersempena dengan itu pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan meliputi sukan rakyat, Pertandingan Masakan Asam Pedas, Gubahan Lipatan Telekung, Infohunt, Badminton Perseorangan dan Beregu, Futsal, Bola Jaring, Pertandingan Karaoke Lagu Klasik, Terompah Gergasi, Mewarna, Ceramah Agama, dengan tajuk "Kepentingan Membaca di Dalam Islam, Senam Seni dan Sukaneka meliputi Isi air dalam botol, Makin jauh Makin Sayang, Lari ikat Kaki dan Boling Kelapa diadakan yang mendapat sambutan baik dan menggalakkan di kalangan penduduk.

Aktiviti berkonsepkan ilmu ini telah dimeriahkan dengan penyertaan pelbagai agensi meliputi Perbadanan Perpustakaan Awam negeri Perak dengan aktiviti Gol dan



YB Dato' Seri Hj. Ahmad Husni bin Hj. Mohamad Hanadzlah menandatangani tugu

menang serta Roda ilmu, Pameran oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Manjoi, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (PERDASAMA) serta penglibatan UMNO, MCA dan MIC. Bagi menyemarakkan lagi penyertaan masyarakat di dalam aktiviti pembacaan dan menggalakan penduduk ke perpustakaan, kempen keahlian perpustakaan desa dan pendaftaran keahlian Kelab Membaca Sinar Pintar telah dibuka kepada orang ramai. Di samping itu aktiviti gali kata, bina kata, pantas jawi dan permainan pembelajaran



"Jelapang Baru merupakan satu kawasan di sekitar Ipoh, Perak"



Sedikit ucapan oleh Ketua Pengarah PNM, Dato' Raslin Abu Bakar



Gambaran foto Perpustakaan Desa Jelapang Baru dari sudut depan

melibati sahibba, dam, congkak dan catur turut diadakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia.

Perpustakaan Desa Kampung RPT Jelapang Baru, Manjoi merupakan sebuah bangunan sedia ada yang disumbangkan sendiri oleh YB Dato' Seri Hj. Ahmad Husni bin Hj. Mohamad untuk dijadikan pusat rujukan penduduk. Perpustakaan yang terletak di dalam daerah Kinta, Ipoh dan berada di bawah DUN Manjoi dalam Parlimen Tambun mula beroperasi pada 28 Oktober 2009 dan dibuka setiap hari Selasa hingga Ahad dari jam 8.30 pagi hingga 1.30 petang. Sehingga Februari 2010, Perpustakaan ini telah mempunyai 2,139 naskhah koleksi buku dan 180 orang ahli berdaftar.

PERLAKSANAAN RECERTIFICATION AUDIT ISO 9001 : 2008



"ISO merupakan satu standard bertulis yang menetapkan dan menerangkan keperluan asas yang perlu ada dalam sistem kualiti"



Puan Hajah Rodziah, Timbalan Ketua Pengarah diapit oleh Pengarah Encik Rahman Sudin, Pengarah Bahagian Maklumat Umum dan Encik Kamarudin Mat Nata, Pengarah Perancangan dan Dasar Korporat

Recertification Audit ISO 9001:2008 Jabatan telah berjaya dilaksanakan selama tiga (3) hari bermula 9 hingga 11 Februari 2010. Proses pengauditan dijalankan oleh pasukan audit dari SIRIM QAS International Sdn.Bhd yang diwakili oleh Puan Mariam Mohamed Zin (Ketua Juru Audit) dan Puan Parimala Devi Ganeson (Juru Audit).

Terdapat enam (6) permerhatian (OFI) yang dalam Recertification Audit ISO 9001:2008 tersebut. Pasukan Audit SIRIM berpandangan bahawa jabatan telah berjaya melaksanakan Pengurusan Sistem Kualiti (SPK). Beberapa



Lawatan Audit di sebahagian tempat di PNM



Mungkin ada sesuatu yang ditanyakan kepada Pegawai Audit

penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Jabatan dalam usaha meningkatkan kualiti

perkhidmatan seperti pemantauan rapi Objektif Kualiti Bahagian, penubuhan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Bahagian. Jabatan turut mengadakan aktiviti kesedaran kualiti seperti menetapkan hari Rabu sebagai hari Kualiti, mewujudkan Sudut Kualiti Bahagian dan juga Perlantikan Pegawai ISO Bahagian. Kecemerlangan yang ditunjukkan Jabatan dalam melaksanakan SPK, melayakkan PNM dianugerahkan pensijilan versi ISO 9001:2008 dari SIRIM QAS International Sdn.Bhd bagi tempoh 9 April 2010 hingga 8 April 2013.

TAKLIMAT KESEDARAN MS ISO 9001 : 2008

Satu taklimat kesedaran tentang perlaksanaan MS ISO 9001:2008 telah berjaya diadakan pada 11 Mac 2009. Taklimat ini terbahagi kepada 2 sesi di mana sesi pertama telah

Hajah Siti Rodziah Othman selaku wakil pengurusan manakala sesi ke dua taklimat disampaikan oleh Puan Chin Loy Jyoone sebagai setiausaha Jawatankuasa

Pelaksana MS ISO 9001:2008. Taklimat yang telah dihadiri oleh 331 kakitangan PNM ini secara keseluruhannya bertujuan memberi penerangan berkaitan



Timbalan Ketua Pengarah PNM, Puan Hajah Rodziah Othman memberi taklimat beliau

disampaikan oleh Pn

Iapan (8) prinsip Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan standard baru iaitu MS ISO 9001:2008.

LATIHAN BERKAITAN ISO



Dalam memastikan kecemerlangan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan Jabatan juga telah menghantar seorang wakil daripada pihak Urusetia ISO untuk menghadiri Kursus Pengenalan MS



Antara peserta yang hadir terdiri daripada kakitangan dan pegawai PNM.

ISO 9001:2008 anjuran Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) yang telah diadakan pada 30 hingga 31 Mac 2010 bertempat di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPKK. Kursus ini telah dikendalikan oleh AJA EQS Certification (M)

Sdn.Bhd di mana modul kursus ini memberi penekanan kepada prinsip asas SPK dan Interpretasi keperluan MS ISO 9001:2008. Jabatan juga telah menghantar seorang wakil dari pihak urusetia ISO dan seorang wakil Juru Audit Dalaman untuk menghadiri Kursus

Corrective Action and Preventive Action (CAPA) yang telah dikendalikan oleh TOMC (M) Sdn.Bhd pada 1 hingga 2 April 2010 bertempat di Residence Hotel, Uniten. Kursus ini memberi penekanan kepada aliran dan kaedah pelaksanaan tindakan

pembetulan, tindakan pencegahan dan tindakan penambahbaikan yang berkesan dalam Jabatan dengan pendedahan kaedah pelaksanaan seperti senarai semak, Brainstorming, Fishbone Diagram, Pareto Chart, Sixhats, 4W2H1C, P DCA dan FMEA.

**"Penubuhan
Kumpulan Inovasi
dan Kreatif
menyahut hasrat
kerajaan Malaysia"**



Dalam menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan kakitangan, sebanyak 22 Bahagian di PNM telah berjaya menubuhkan kumpulan KIK bahagian masing-masing. Jabatan juga dengan kerjasama NPC telah mengadakan Bengkel KIK pada 13 hingga 14 April 2010 yang telah dihadiri oleh 30 orang kakitangan PNM yang terdiri daripada fasilitator / wakil kumpulan dan Urusetia KIK jabatan. Jabatan turut bercadang untuk mengadakan Konvensyen KIK PNM pada 12 Oktober 2010.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF



Taklimat KIK oleh penceramah yang dijemput

LAWATAN DARI UNIVERSITI COLUMBUS



"Lawatan ke Perpustakaan adalah bagi menambah pengetahuan dan pengalaman ke arah penambahbaikan"



Pelawat memasuki Pintu Utama PNM

Dari bulan Januari sehingga April 2010, Perpustakaan Negara Malaysia telah menerima seramai 1919 orang pelawat daripada 32 rombongan lawatan dari dalam dan luar negara. Daripada jumlah tersebut seramai 1864 orang pelawat terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, institut pengajian tinggi, jabatan kerajaan, badan berkanun dan badan

swasta, manakala seramai 18 orang pelawat terdiri daripada rombongan luar negara dari pelbagai institusi. Ahli rombongan lawatan yang dikendalikan oleh pegawai Perpustakaan Negara Malaysia akan diberi taklimat dan dibawa melawat ruang perkhidmatan yang terdapat di perpustakaan. Daripada 32 rombongan tersebut, Perpustakaan

Negara Malaysia telah menerima satu lawatan dari luar negara iaitu rombongan lawatan dari Universiti Columbo. Rombongan ini mempunyai simboliknya sendiri di mana ia telah menarik minat dari Universiti tersebut ke arah sejauh mana kemampuan Malaysia mempunyai sebuah Perpustakaan Negara. Sepanjang lawatan tersebut, rombongan ini telah dibawa melawat ke bahagian-bahagian dan pusat-pusat di Perpustakaan Negara Malaysia antaranya ialah Bahagian Hipermedia, Bahagian Maklumat Umum, Bahagian Pemuliharaan dan sebagainya. Adalah diharap rombongan ilmiah seperti ini akan membawa manfaat kepada kedua-dua pihak umumnya.



Taklimat Pegawai kepada pelawat



Taklimat ringkas dari Puan Chin Loy Jyon, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat



Lagu Perpustakaan Negara Malaysia

Pustaka Warisan Bangsa

Bagai api obor memberi cahaya
Perpustakaan kita
Menjadi kebanggaan semua
Penyuluhan hidup jaya

Berbagai maklumat terkumpul sedia
Berkhidmat penuh setia
Berbakti pada rakyat Malaysia
Rahmatnya tak terhingga

Perpustakaan negara Malaysia
Penggerak budaya membaca
Berbagai khazanah yang ada
Pustaka warisan bangsa

Rakyat yang berilmu akan terus maju
Gunakan sumber ilmu
Bersama kita membina minda
Wawasan jadi nyata

Lagu & Lirik : Mahzan Manan

Lagu Tema Kempen Membaca

Budaya Membaca

- | | |
|--|--|
| Semaikan dijiwa budaya membaca
Pasti bertambah ilmu yang ada
Bangsa dan usia bukan ukuran
Yang membezakan...Kebijaksanaan | Beraneka jenis bahan bacaan
Yang bermanfaat pilihan utama
Orang berilmu dipandang mulia
Semaikan budaya membaca |
| Korus
Bacalah bacalah mari membaca
Mudah dilakukan di mana berada
Bacalah dengan mata dan hati
Dunia luas kita terokai | Bacalah bacalah mari membaca
Jadikan membaca budaya kita (4x)

Jadikan membaca...Budaya kita.... |

Lagu: Pak Ngah • Lirik : Habsah Hassan

Lokasi Perpustakaan Negara Malaysia



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA

232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur
Tel: 03-26871700 Faks: 03-26927082
Laman Web : <http://www.pnm.gov.my>